



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

#### **ISU ANGGUR SHINE MUSCAT YANG DIKESAN MENGANDUNGI RESIDU RACUN PEROSAK**

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum berhubung laporan daripada The Thai Pesticide Alert Network (Thai-PAN) berkaitan dengan anggur Shine Muscat yang mengandungi residu racun perosak melebihi kadar maksimum yang dibenarkan (MRL) dan laporan daripada beberapa akhbar tempatan mengenai isu ini.

KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan keselamatan makanan termasuk makanan import berdasarkan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Di Malaysia, residu racun perosak dikawal di bawah Peraturan 41, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang turut merujuk kepada standard antarabangsa Codex.

Pemantauan secara berterusan sentiasa dijalankan di semua 70 pintu masuk negara melibatkan pelbagai aktiviti kawalan dan pematuhan semua makanan import termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran yang meliputi pemeriksaan dokumen, pemeriksaan fizikal, pemeriksaan label,

pengambilan sampel dan penahanan di gudang pengimport. PKKM sentiasa meningkatkan pemantauan ke atas konsainan makanan import melalui *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) yang menggunakan pendekatan enam (6) tahap pemeriksaan berasaskan risiko.

Berdasarkan data KKM, sepanjang tempoh 2020 sehingga September 2024, sejumlah 5561 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan import telah dianalisis bagi residu racun perosak dan sejumlah 165 (2.97%) sampel telah didapati tidak mematuhi MRL yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. PKKM telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan import yang tidak mematuhi MRL termasuk arahan penarikan balik produk di seluruh negara, pelupusan, re-eksport atau pendakwaan kes.

Manakala bagi buah anggur pula, sejumlah 234 sampel anggur telah dianalisa dalam tempoh tersebut di mana 4 (1.71%) telah dikesan tidak mematuhi MRL yang tidak melibatkan anggur Shine Muscat. Tindakan pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) pada kemasukan seterusnya dikenakan, di mana konsainan makanan tersebut wajib ditahan dan pensampelan perlu dijalankan. Dalam hal ini, kelulusan pelepasan di Pintu Masuk hanya akan diberikan sekiranya keputusan analisa mematuhi MRL yang ditetapkan. Larangan pengimportan akan dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran yang berulang.

Sebagai panduan kepada pengguna, setiap makanan yang diimport dan berbungkus, perlu mengandungi maklumat asas termasuk negara asal produk tersebut. Sehubungan dengan itu, pengguna dinasihatkan untuk membaca label sebagai panduan.

KKM peka dan prihatin terhadap keresahan pengguna terhadap perkara ini. KKM sentiasa menjalankan pemantauan di pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan keselamatan makanan adalah terjamin.

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**28 OKTOBER 2024**